



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

**BIL. 11 / 2020**

### **DAKWAAN PENGUNDI BERTUKAR BAHAGIAN PILIHAN RAYA TULAR DI FACEBOOK**

1. Dakwaan berhubung pengundi ditukarkan bahagian pilihan raya berdasarkan alamat yang dikemas kini di aplikasi *e-Wallet* telah dikongsikan melalui satu hantaran di *Facebook* baru-baru ini. Berikutan daripada hantaran tersebut, talian *hotline* Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah dihubungi oleh pengundi yang merupakan pengguna aplikasi berkenaan untuk mengesahkan maklumat yang telah disebarkan. Dalam hal ini, SPR ingin menegaskan bahawa dakwaan yang tular ini adalah **PALSU DAN TIDAK BENAR**.

2. SPR tidak boleh menukarkan bahagian pilihan raya mana-mana pemilih berdaftar tanpa pengetahuan pemilih tersebut. Berdasarkan kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002, mana-mana pemilih berdaftar yang hendak menukar bahagian pilihan rayanya perlu membuat permohonan untuk menukar bahagian pilihan raya melalui saluran-saluran pendaftaran yang disediakan oleh SPR iaitu di Ibu Pejabat SPR, mana-mana Pejabat SPR negeri, semua Pejabat Pos di seluruh negara atau memohon secara atas talian MySPR Daftar iaitu di <https://mysprdaftar.spr.gov.my>. Pertukaran bahagian pilihan raya bagi mana-mana pengundi bukan secara automatik sebagaimana dakwaan di Facebook.

Sekian.

**DATUK AZHAR AZIZAN HARUN**

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh : 24 Januari 2020 / 28 Jamadilawal 1441H